

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

RMK 153 – Prinsip-Prinsip Ekonomi Binaan  
(Principles of Construction Economics)

Masa/Time : 3 jam/hours

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*Please check that the examinations paper contains **THREE** printed pages before the commencement of the examination.*

Pelajar dibenarkan menjawab semua soalan dalam Bahasa Inggeris ATAU Bahasa Malaysia ATAU kombinasi kedua-duanya.

*Students are allowed to answer all questions in English OR in Bahasa Malaysia OR in both languages.*

Jawab **EMPAT** soalan. Mesti jawab **SATU** soalan dari setiap **BAHAGIAN A, B** dan **C**, dan jawab **SATU** soalan lain dari **BAHAGIAN A** atau **B**.

*Answer **FOUR** questions. Answer **ONE** question from **SECTION A, B** and **C**, and answer **ONE** question from **SECTION A** or **B**.*

**BAHAGIAN A**  
**SECTION A**

1. (a) Dalam bidang perniagaan dan ekonomi, keanjalan adalah satu terma aplikasi am yang menunjukkan satu perubahan pada satu angkubah sebagai tindakbalas kepada perubahan angkubah yang lain. Salah satu ukuran keanjalan yang biasa merujuk kepada perubahan dalam permintaan untuk sesuatu barangan atau perkhidmatan disebabkan oleh faktor-faktor lain.

Terangkan apa yang menyebabkan permintaan menjadi anjal atau tak anjal.

*In business and economics, elasticity is a term of general application used to express a change in one variable in response to a given change in a second variable. A common elasticity measurement refers to the changes in the demand for a good or services caused by various other factors.*

*Explain what makes demand elastic or inelastic.*

- (b) Kenapakah kefahaman keanjalan sangat bermakna kepada seorang pengeluar? Huraikan dengan jelas.

*Why is the notion of elasticity so meaningful to a manufacturer?  
Explain in detail.*

(25 markah/marks)

2. (a) Cara yang paling cepat dan berkesan untuk sesebuah syarikat mencapai keuntungan maksima adalah dengan memastikan harga diletak dengan tepat (petikan dari sebuah artikel bertajuk "Managing price, gaining profit").

Terangkan dengan jelas menggunakan carta konsep di mana perlu. Anda boleh bincangkan dalam konteks struktur pasaran yang berbeza.

*The fastest and most effective way for a company to realize its maximum profit is to get its pricing right (excerpt from an article titled "Managing price, gaining profit").*

*Explain in detail and use conceptual graphs where necessary. You may discuss in the context of different market structures.*

- (b) Bincangkan implikasi dari tindakan kerajaan apabila ia mengarahkan supaya harga maksima diletakkan **bawah** tahap harga pasaran, contohnya melalui Akta Kawalan Sewaan.

*Discuss the implications from a government's action to impose a maximum price that is positioned lower than the market clearing price, for e.g. through the Rent Control Act.*

(25 markah/marks)

## **BAHAGIAN B**

### **SECTION B**

3. Pasaran industri pembinaan ditentukan oleh permintaan dan penawaran.

*The market for construction industry is determined by supply and demand.*

- (a) Apakah faktor penentu permintaan dan penawaran? Bincangkan secara terperinci tentang faktor yang mempengaruhi penawaran dan permintaan dalam industri.

*What are the factors that determine demand and supply? Discuss in detail factors that influence supply and demand in the industry.*

- (b) Bincangkan perbezaan antara kapasiti dan pusingan industri pembinaan.

*Discuss the difference between the construction industry's capacity and cycle.*

(25 markah/marks)

4. Merujuk kepada industri pembinaan di Malaysia:

*With regards to the Malaysian construction industry:*

- (a) Bincangkan senario, kepentingan dan peranan industri pembinaan daripada segi perspektif makro ekonomi.

*Discuss the scenario, the importance and the role of the construction industry from macro economy perspective.*

- (b) Bincangkan tentang dua konsep yang berbeza bagi ekonomi projek pembinaan dan ekonomi industri pembinaan.

*Discuss the two different concepts that are construction project economics and construction industry economics.*

(25 markah/marks)

**BAHAGIAN C**  
**SECTION C**

5. Fakta-fakta pembangunan ekonomi yang ideal merupakan satu bentuk sistem yang menyeluruh di dalam pembangunan bagi sesuatu negara. Jelaskan kenyataan ini:

“Malaysia sebuah negara yang sedang membangun telah menggunakan konsep ‘Modenisasi’ dan ‘Pergantungan’ bagi meningkatkan taraf pembangunan negaranya.”

Berikan hujah-hujah anda sama ada menyokong atau tidak kenyataan ini.

*Ideal development economic factors are seen as a comprehensive system for the development of a country. Explain the following statement.*

*“Malaysia is a developing country, the concept of ‘Modernisation’ and ‘Dependency’ were both being practiced for the development of the country.”*

*Give your arguments to support or argue against this statement.*

(25 markah/marks)